



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF. DR. IBRAHIM BIN BUSU  
DEKAN FAKULTI SAINS BUMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

**OLEH:**

<b>NUR FARAH NABILAH BT ZULKIPLI</b>	<b>2013167694</b>
<b>NURUL AMIRA SHAFIRA BT MOHD RADZI</b>	<b>2013177793</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF. DR. IBRAHIM BIN BUSU  
DEKAN FAKULTI SAINS BUMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

OLEH:

NUR FARAH NABILAH BT ZULKIPLI                      2013167693  
NURUL AMIRA SHAFIRA BT MOHD RADZI    2013177789

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek IMR 604 Pendokumentasian Sejarah Lisan, iaitu Transkrip Wawancara bersama Prof. Dr. Ibrahim Bin Busu. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan serta nasihat yang amat berguna buat kami sebagai pelajar yang bakal menempuh kehidupan di luar selepas tamat pendidikan daripada Prof Dr. Ibrahim Busu Dekan Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan yang banaak berkongsi cerita beliau dengan kami. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kami menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Puan Nurulannisa kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami.

Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara Nurul Amira Shafira Binti Mohd Radzi dan Nur Farah Nabilah Binti Zulkipli menemubual Prof. Dr. Ibrahim Bin Busu, Dekan Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai sejarah hidup beliau, pengalaman-pengalaman beliau dan juga sumbangan beliau dalam bidang pendidikan. Beliau menceritakan keseluruhan mengenai pekerjaan beliau di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga beliau juga menceritakan mengenai pekerjaan beliau sebagai perunding kepada agensi-agensi dan juga badan-badan kerajaan dalam bidang Sains Angkasa. Beliau juga banyak menekankan mengenai kecemerlangan pelajar-pelajar beliau dan juga mengenai kegagalan pelajar-pelajar beliau. Di akhir temubual, beliau juga ada memberi sedikit nasihat kepada pelajar-pelajar dan anak-anak muda masa kini.*

**Kata kunci:** *pelajar-pelajar, pendidikan, pengalaman, kecemerlangan, kegagalan.*

# **ISI KANDUNGAN**



# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iv
Isi Kandungan.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Sejarah Pekerjaan.....	40
Rujukan.....	75
Lampiran	
Log Wawancara.....	77
Diari Kajian.....	86
Senarai Soalan.....	87
Surat Perjanjian.....	91
Gambar 1.....	93
Indeks.....	94

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH

Nama	Ibrahim Bin Busu
Tarikh Lahir	9 Januari 1959
Umur	56 Tahun
Status	Berkahwin
Tempat Kelahiran	Tanah Merah Kelantan
Tempat Tinggal	Cherang Lali, Tanah Merah Kelantan
Sejarah Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sekolah Menengah Kebangsaan Tebing Tinggi</li><li>2. Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (SIS)</li><li>3. Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu</li><li>4. Universiti Teknologi Malaysia</li><li>5. North London Polytechnic</li><li>6. Universiti Of Dundy</li></ol>
Pekerjaan	Dekan Fakulti Sains Bumi
Tempat Pekerjaan	Universiti Malaysia Kelantan

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Kami telah menemubual Prof. Dr. Ibrahim Bin Busu iaitu Dekan Fakulti Sains Bumi Uniiversiti Malaysia Kelantan. Temubual telah di jalankan di rumah beliau iaitu di Cherang Lali, Tanah Merah Kelantan. Temubual ini dijalankan selama satu jam tiga puluh satu minit dan dua puluh tiga saat. Temubual ini adalah berkisar tentang sejarah hidup beliau iaitu mengenai latar belakang beliau. Beliau berusia 56 tahun mempunyai seorang isteri dan mempunyai lapan orang anak yang sangat berjaya dalam bidang masing-masing. Beliau juga bercerita mengenai sejarah pendidikan beliau daripada sekolah rendah sehingga ke peringkat PhD. Beliau juga merupakan pelajar lepasan universiti dari Luar Negara.

Temubual ini juga berkisar tentang sejarah pekerjaan beliau sebagai seorang pensyarah. Beliau bercerita mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah dan juga kronologi-kronologi jawatan beliau ketika dalam bidang pendidikan. Beliau juga ada menceritakan mengenai penglibatan beliau dalam penyelidikan dan juga menjadi penasihat kepada badan-badan kerajaan. Beliau juga ada bercerita mengenai sumbangan beliau terutama kepada pelajar dan juga universiti

Sekarang beliau masih lagi berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan sebagai Dekan Fakulti Sains Bumi dan juga menjalankan beberapa penyelidikan untuk kerajaan.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut adalah temubual sejarah lisan yang dijalankan oleh Nurul Amira shafira Binti Mohd Radzi dan Nur Farah Nabilah Binti Zulkipli bersama Prof. Dr. Ibrahim Bin Busu mengenai sejarah hidup, pengalaman dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan. Temubual bersama beliau ini telah di jalankan di rumah beliau di Tanah Merah Kelantan pada 24 Mei 2015. Berikut adalah hasil rakaman

Petunjuk:

PIB: Prof. Ibrahim Busu  
NAS: Nurul Amira shafira Binti

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NAS : **Assalamualaikum Prof.**

PIB : **Walaikummussalam.**

NAS : **Okay [baiklah] sebagai pembuka tirai perbualan kita pada hari ini boleh tak [tidak] Prof. ceritakan serba sedikit latar belakang seperti, nama?**

PIB : **Nama saya adalah Ibrahim Bin Busu.**

**NAS : Dilahirkan pada?**

PIB : Dilahirkan pada tanggal *sembilan* [9] haribulan Januari *sembilan belas lima puluh sembilan* [1959].

**NAS : Tempat Kelahiran?**

PIB : Tempat kelahiran di Kusial Bharu.

**NAS : Okay [baiklah] jadi usia sekarang adalah?**

PIB : Usia sekarang adalah *lima puluh enam* [56] tahun.

**NAS : Okay (ketawa) muda lagi. Pastu [selepas itu] dimanakah Prof. dibesarkan**

PIB : Saya di besarkan di kampung Kusial Bharu lebih *exact* [tepat] nya \_ di Kampung Banggol Jering , Kusial Bharu Tanah Merah Kelantan.



**NAS : *Okay* [baiklah] dengan siapa Prof. membesar?**

**PIB : Saya membesar dengan kedua ibubapa saya iaitu Busu bin Haji Mat dan Mek Putih Binti Daud (bunyi loceng).**

**NAS : *Pastu* [selepas itu] soalan seterusnya apakah nama gelaran Prof. sewaktu kecil. Maksud kami nama timang- timangan, nama manja.**

**PIB : Oh. Maksud saya *tak* [tidak] ada. *Tak* [tiada] ada nama manja ke.**

**NAS : *Tak* [tidak] ada? Abang ngah ke? (ketawa)**

**PIB : Oh. *Tak* [tidak] ada (ketawa). Saya di panggil dengan nama sebenar, nama Ibrahim tetapi nama gelaran itu wujud setelah saya tua. Bila saya berkerja, saya dikenali dengan nama IB, Ibrahim Busu, di mana sewaktu di pejabat *dulu* [dahulu] ada beberapa orang Ibrahim, jadi untuk membezakan itu, ada yang di panggil dengan nama singkat , ada yang di panggil Mat dan sebagainya dan mereka memanggil saya dengan nama IB dan nama IB *tu* [itu] terlekat sampai sekarang lah.**

**NAS : Kiranya IB *tu* [itu] membezakan dengan Ibrahim ---**

**PIB : Iya. Dengan Ibrahim-Ibrahim yang lain.**

**NAS : Okay siapakah nama ibu Prof.?**

**PIB : Ibu saya Mek Putih Binti Daud.**

**NAS : Okay. Ayah pula?**

**PIB : Ayah Busu Bin Haji Mat.**

**NAS : Bagaimana pula dengan bilangan adik-beradik Prof.?**

**PIB : Bilangan adik beradik saya sebenarnya ada *tiga* [3] adik-beradik iaitu abang saya Mohamad Bin Busu *dah* [sudah] meninggal dunia dan juga adik iaitu adik saya yang bongsu Hasiah Binti Busu.**

**NAS : Kiranya Prof. ni anak yang ke?**

PIB : Anak yang ke *dua* [2].

**NAS : Ke *dua* [2]? Ke *dua* [2] tengah la?**

PIB : Iya. Anak tengah.

**NAS : Boleh *tak* [tidak]Prof. ceritakan lebih lanjut mengenai adik beradik?**

PIB : Adik-beradik saya?

**NAS : Iya. Daripada Sulung, ke *dua* [2].**

PIB : Okay. Abang saya *dulunya* [dahulunya] adalah merupakan iyalah seorang abang yang baik. Beliau memulakan pengajian beliau di sekolah zaman *dulu* [dahulu] di panggil sebagai *special* [istimewa] *Malay* [melayu], di Tanah Merah iaitu bidang aliran *English* [Inggeris], Okay manakala saya, Okay memulakan pengajian saya di Sekolah Kebangsaan biasa dan begitu juga dengan adik saya yang perempuan iaitu adik bongsu iaitu Hasiah Binti Busu.

Itu sahaja lah.

**NAS : Itu *saja* [sahaja]? Okay. *Pastu* [selepas itu] adakah mereka tinggal di sekitar ini?**

**PIB : Yang sulung *dah* [sudah] meninggal dunia, *dulunya* [dahulunya] beliau di Gua Musang menetap di Gua Musang Kelantan dan adik saya masih tinggal di rumah pusaka iaitu di Kampung Kusial Bharu, Banggol Jering Kusial Baru Tanah Merah Kelantan.**

**NAS : *So* [jadi] sekarang Prof. tinggal di?**

**PIB : Tinggal di Cherang, Kampung Cherang Rali.**

**NAS : Dengan siapa Prof. tinggal ?**

**PIB : Saya tinggal dengan keluarga saya, bersama-sama keluarga saya.**

**NAS : Berapa?**

**PIB :** Okay sekarang *ni* [ini] yang tinggal di rumah cuma *tiga* [3] iaitu saya (ketawa), isteri saya dan seorang anak yang bongsu. Itu sahaja.

**NAS : Apakah nama penuh isteri Prof.?**

**PIB :** Isteri saya nama penuhnya Rakhiah binti Mamat

**NAS : Nama manja? (ketawa)**

**PIB :** (ketawa) Nama manja dia Noreha.

**NAS : *Pastu* [selepas itu] berapakah umur isteri Prof.?**

**PIB :** Isteri saya berumur *lima puluh tujuh* [57] tahun.

**NAS : Pekerjaan isteri?**

**PIB : Pekerjaan isteri suri rumah tangga.**

**NAS : Boleh *tak* [tidak] Prof. ceritakan detik perkenalan Prof. dengan isteri?**

**PIB : (ketawa) Perkenalan saya dengan isteri *ni* [ini] saya *tak* [tidak] ada apa, sebab ia terjadi begitu sahaja perkenalan melalui seorang kawan. Kawan memperkenalkan saya kepada dia dan terus ---**

**NAS : Pada tahun? (ketawa)**

**PIB : Pada tahun *sembilan belas lapan puluh* [1980], masa tu saya *dah* [sudah] mula bekerja di Kuala Lumpur. Kami berkenalan cuma masa *dua* [2] bulan, lepas tu kami kahwin.**

**NAS : Kahwin?**

**PIB : Ya. Dalam masa *dua* [2] bulan sahaja.**

**NAS : Terus kahwin la?**

**PIB : Ya. Terus kahwin.**

**NAS : Pada tahun berapakah berkahwin *tu* [itu]?**

**PIB : Tahun *sembilan belas lapan puluh satu* [1981].**

**NAS : Jadinya tinggal di kampung?**

**PIB : Saya tinggal di Kuala Lumpur, masa *tu* [itu] lepas berkahwin saya bekerja di Kuala Lumpur, dengan Universiti Teknologi Malaysia [UTM] dan manakala masa *tu* [itu] isteri saya bekerja di Risda Pihak Berkuasa Pekebun Kecil sebagai kerani.**

**NAS : Semasa perkahwinan Prof. cakap, sekarang isteri Prof. *dah* [sudah] berhenti. Mengapa berhenti?**

**PIB : Berhenti tu setelah kami berkahwin, kami keluar negara. Saya melanjutkan pelajaran dan sebagainya dan jadi masa *tu* [itu] dia mengambil cuti tanpa gaji beberapa kali. Jadi bila anak-anak membesar semasa itu, kami berpindah dari Kuala Lumpur ke Johor Bharu, sebab itu kami rasa masa *tu* [itu] apa *ni* [ini] memerlukan kepada penjagaan anak yang lebih rapi, kualiti yang baik, jadi beliau isteri saya mengambil keputusan (bunyi loceng) untuk berhenti daripada bekerja sebagai kerani di pejabat Risda.**

**NAS : Lepas tu terus mengikut Prof. ke sana ke sini?**

**PIB : Ya.**

**NAS : Bagaimana pula dengan bilangan anak Prof.?**

**PIB : Kesemua saya dikurniakan oleh *lapan* [8] orang cahaya mata.**

**NAS : Boleh Prof. ceritakan *satu* [1] persatu?**

**PIB : (ketawa) Panjang *lapan* [8] orang. Anak yang *pertama* [1] saya iaitu Mohamad Farhan sekarang *ni* [ini] bekerja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di**



Pejabat SUK [Setiausaha Kerajaan] sebagai Penolong Setiausaha Dewan Undangan Negeri Pahang. Yang ke *dua* [2] Muhammad Hasif sekarang *ni* [ini] bekerja sebagai Juru Ukur Tanah di sebuah *company* [syarikat] di syarikat di Johor Bharu. Yang ke *tiga* [3] kembar, saya dapat mempunyai anak kembar perempuan iaitu Ruzana dan Ruzaini. Ruzana sekarang *ni* [ini] adalah pensyarah di UIA [Universiti Islam Antarabangsa] Jabatan Kejuruteraan dan sekarang ini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. di UPM [Universiti Putra Malaysia] manakala Ruzaini kembarnya sekarang *ni* [ini] baru sahaja menamatkan Ijazah Sarjana dalam bidang *English* [Inggeris] iaitu TESL di UPM [Universiti Putra Malaysia] dan sekarang *ni* [ini] berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia [UTM] Johor. Dan manakala yang seterusnya yang ke *empat* [4] iaitu Ili Rahilah baru sahaja menamatkan *Masters* [Ijazah Sarjana] iaitu peringkat Sarjana di dalam bidang *Islamic Finance* [kewangan Islam] daripada Dharam University UK [United Kingdom] dan sekarang *ni* [ini] berkhidmat dengan *company* [syarikat] di Kuala Lumpur sebagai *lawyer* [peguam] sebagai peguam. Manakala yang ke *lima* [5] adalah Alya Nadira sekarang *ni* baru sahaja menamatkan pengajian dalam bidang *English* [Inggeris] sekarang *ni* tengah mencari kerja (ketawa) yang seterusnya yang ke *tujuh* [7] yang ke *tujuh* [7] adalah Dhia Najla sekarang sedang menuntut di UUM [Universiti Utara Malaysia], apa *ni* [ini] belajar muamalat yang ke *lapan* [8] adalah Nafis yang baru sahaja menamatkan diploma dalam bidang Pengurusan Maklumat daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] kampus Machang.

**NAS : Dari segi penceritaan Prof. menunjukkan Prof. berjaya mendidik anak-anak dari segi mereka berjaya dalam bidang mereka masing-masing. Boleh Prof. ceritakan bagaimana Prof. mendidik mereka sehingga --- Rahsia.**

**PIB :** Mendidik? (ketawa) tidak rahsia, rahsia *tu* [itu] *tak* [tidak] ada la cuma perhatian *je* [sahaja] lah daripada perhatian bermakna saya sebagai *bapak* [bapa] yang sangat tegas, itu sahaja. Jadi saya rasa hasil daripada didikan ini daripada kecil sampai ke dewasa diorang *satu* [1] diorang saya nak *make sure kan* [pastikan] diorang *ni* [ini] tidak bercampur dengan *group* [kumpulan] atau kumpulan yang membuatkan benda yang tidak elok dan sebagainya. Jadi saya rasa itu, itu yang memberikan semangat, memberikan apa *ni* [ini] pengetahuan lah kepada diorang memberi galakan kepada diorang untuk belajar. Yang ke *dua* [2] nya adalah saya selalu, sebab latar belakang saya sendiri daripada keluarga yang agak miskin, bukannya *ni* [ini] jadi saya tahu bahawa ilmu, ilmu itu adalah akan membentuk kita akan memberi kita macam mana mencorak. Sebab itu saya sangat menekankan kepada pencarian ilmu iaitu saya memang menggalakkan anak-anak saya belajar setinggi mana ke peringkat yang dia mereka mampu.

**NAS : Okay, kiranya Prof. tak ada [tiada] halangan terhadap bidang-bidang**

yang mereka pilih ke Prof. yang menentukan?

PIB : *Tak ada* [tiada]. Saya tidak ada *no* [tidak] bukan sebenarnya saya tidak masuk campur dari secara minat diorang dan sebagainya. Kalau nak masuk campur bermakna saya akan tentukan jadi sebab itu kalau tengok daripada ke *lapan* [8] orang anak saya *tu* [itu] semuanya mempunyai bidang yang berbeza *takde* [tiada] *satu* [1] pun yang sama jadi bidang yang berbeza jadi itu menunjukkan bahawa tidak ada penekanan di dalam pemilihan bidang doktor ke apa ke sebagainya *tak* [tidak] ada.

NAS : **Kembali pula kepada sejarah latar belakang Prof. bolehkah Prof. ceritakan mengenai kehidupan di zaman kanak-kanak. Bagaimana Prof. membesar?**

PIB : Saya membesar di kampung *of course* [sudah tentu] sebagai anak-anak yang di kampung. Masa *tu* [itu] tahun awal 60-an. Jadi saya rasa membesar di kampung ini adalah *limited* [terhad] lah. Terhadap dari segi *access* [akses] kepada ini, dan sebagainya. Pada masa itu, saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi. Biasanya waktu petang atau tengahari kita pergi belajar Quran dengan rumah guru Quran dan selain itu adalah hidup sebagai apa *ni* [ini] anak-anak di kampung yang bermain guli bermain macam aktiviti-aktiviti petang dan sebagainya. *Of course* [sudah tentu] kami di pinggir dekat dengan sungai Kelantan jadi sebahagian daripada aktiviti kadang-kadang berlaku di sungai, kadang-kadang berlaku di sawah, kadang-kadang berlaku di

padang sekolah, dan sebagainya. Jadi membesar sebagai anak kampung zaman itu, zaman awal tahun 60-an masa tu *letrik* [elektrik] masih *tak ada* [tiada] di kampung, *tv* [televisyen] pun *takde* [tiada]. *Tv* [televisyen] tu [itu] *dah* [sudah] ada selepas saya bersekolah iaitu sekitar tahun '67 [1967], '68 [1968] baru ada *letrik* [elektrik]. Jadi masa tu kita baru boleh menonton *tv* [televisyen] dan sebagainya. Sebelum itu, memang *tak ada* [tiada]. Permainan kampung *je* [sahaja] la.

**NAS : Permainan kampung macam biasa?**

**PIB : Ya**

**NAS : Pada pendapat Prof. kan remaja pada zaman kini dengan sekarang apa bezanya?**

**PIB : Bezanya, *satu* [1] remaja pada zaman *ni* [ini] dia diberi peluang, mempunyai peluang yang luas banyak peluang dan sebagainya tetapi *Okay* [baiklah], panduan, *guidance* [panduan] daripada *parents* [ibubapa] dan sebagainya sangat kurang, jadi ini agak merbahaya, agak merbahaya dari segi, kita tengok sekarang *ni* [ini] bahawa kita *dah* [sudah] ada akses kepada internet, *unlimited* [tidak terhad] akses dan sebagainya *through* [melalui] telefon dan sebagainya. Okay jadi sekarang *ni* [ini] cuma bergantung kepada *guidance* [panduan] dan juga ketahanan daya fikir ataupun ketahanan jiwa remaja itu sendiri, sebab**

dalam internet ini kita tahu bahawa semua benda ada. Ada benda yang baik, ada benda yang tidak baik. Jadi bergantung sebab itu sekarang *ni* [ini] apa *ni* [ini] bergantung kepada *guidance* [panduan] atau pendidikan yang ada pada anak-anak itu sendiri pada remaja itu sendiri. Sekiranya remaja mendapat pendidikan yang baik *guidance* [panduan] yang baik, teknologi yang ada sekarang ini sangat berguna, tetapi kalau remaja itu tidak mendapat didikan tidak mendapat panduan yang baik yang ini akan memberikan kemudaratan kepada remaja itu sendiri la.

**NAS : So [jadi] pendapat Prof. tentang generasi masa kini adakah mereka patut diberi pendedahan yang lebih?**

**PIB :** Bagi saya pendedahan yang lebih *tak* [tidak] salah tetapi platform ataupun dia punya ekosistem mesti bagus *satu* [1] yang ke *dua* [2] nya *framework* [rangka kerja] yang *tu* [itu] bermakna dari segi kalau kita sebagai orang muslim dia kena *ugama* [Agama] *tu* [itu] *dulu* [dahulu] dia kena tanam *dulu* [dahulu] keimanan dan sebagainya di dalam diri remaja itu barulah lepas itu dia akan membuat pilihan okay kepada teknologi kepada apa benda yang di *depan* [hadapan] *tu* [itu] sekurang-kurangnya dia *dah* [sudah] ada ukuran \_ ataupun *benchmark* [tanda aras] nya *tu* [itu] daripada *ugama* [Agama] tersebut kalau remaja itu dimana agamanya kurang dan kefahaman kepada Islam nya *tak* [tidak] ada dan sebagainya saya bimbang sebab mereka ini tidak akan ada panduan ataupun tidak akan ada *framework* [rangka kerja] yang saya kata

tadilah. Ini akan membahayakan masa *depan* [hadapan] anak-anak *tu* [itu] sendiri.

**NAS : Berbalik pula apakah hobi Prof. semasa lapang? Waktu lapang semasa kecil *dulu* [dahulu]**

**PIB : Semasa kecil *tak ade lah* [tiada] bermain *je* [sahaja] lah.**

**NAS : Aktiviti permainan yang selalu?**

**PIB : Aktiviti permainan yang selalunya kalau di kampung masa *tu* [waktu itu] kalau di padang dia tengok aktiviti di mana, kalau di padang sekolah kita main bola, kalau di sungai *of course* [sudah tentu] menyelam, berenang. Okay, kalau di padang sawah biasanya kita main rounders yang dipanggil sebagai *bola katak* [baseball] masa *tu* [itu] la (ketawa). Itu *je* [sahaja] la. Bermakna *there's a* [disana ada] *game* [permainan] yang ada pada zaman itu, pada zaman yang saya kecil lah.**

**NAS : Kiranya itulah aktiviti harian Prof. sewaktu kecil?**

PIB : Ya.

**NAS : Sewaktu kecil *dulu* [dahulu] apakah cita-cita Prof.?**

PIB : Saya rasa cita-cita saya masa *tu* [itu] sama juga macam orang lain sama ada nak jadi askar ataupun jadi cikgu

**NAS : Kenapa itu menjadi pilihan Prof.?**

PIB : Okay itu maknanya persekitaran. Oleh kerana di kampung kita tengok orang-orang yang apa *ni* [ini] *senior* [lama] ataupun orang-orang yang tua pada kita *tu* [itu] kerja jadi askar *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] minat jadi polis (ketawa) *tapi* [tetapi] saya nak jadi askar ataupun pendidik. Pendidik *of course* [sudah tentu] la sebab kita pergi sekolah kita ada cikgu dan sebagainya *tapi* [tetapi] Alhamdulillah la saya sekarang ni jadi pendidik. Jadi saya rasa saya mencapai cita-cita saya lah.

**NAS : Mengapa Prof. ada mengatakan bahawa Prof. tidak berminat untuk**

**menjadi polis?**

PIB : Polis *tu* [itu] --- *tak* [tidak] sebab masa *tu* [itu] ialah polis *ni* [ini] kita *satu* [1] apa pekerjaan bagi kanak-kanak biasanya kanak-kanak dia takut *kat* [dekat] polis (ketawa). Pada masa *tu* [itu], bermakna benda-benda *ni* [ini] akan memberi pengaruh kepada psikologi kepada anak-anak kecil sendiri lah.

NAS : **Apakah yang mendorong Prof. untuk memilih cita-cita tersebut?**

PIB : Yang bermaksud *of course* [sudah tentu] daripada pengaruh apa *ni* [ini] persekitaran la. Di kampung saya tu ada beberapa orang, kalau nak dikirakan *pulis* [polis] dengan askar, orang jadi askar tu ramai zaman *tu* [itu], jadi tu saya rasa dari pengaruh persekitaran, sebab pendedahan lain memang *tak* [tidak] ada. Sebab zaman *tu* [itu] walaupun Tanah Merah dengan Kusial tu jaraknya cuma *enam* [6] batu (bunyi loceng) atau lebih kurang dalam apa *ni* [ini] *tujuh* [7] *lapan* [8] *kilo* [kilometer] daripada *tu* [itu], kita jarang sekali sebab perhubungan cuma ada bas sahaja. Itu sahaja. Jadi masa perhubungan *tu* [itu], kalau *tak* [tidak] ada kerja yang penting memang kita tidak ke bandar. Memang hidup *all a life* [seluruh kehidupan] *tu* [itu] sampai umur *dua belas* [12] tahun, darjah *enam* [6] memang hidup di kampung. *Tak* [tidak] pernah keluar daripada Kusial itu sendiri. Paling-paling jauh pun Tanah Merah *je* [sahaja] la.



**NAS : Tentang sejarah pendidikan pula. Boleh Prof. jelaskan tentang sejarah pendidikan Prof. Dimana Prof. mendapat pendidikan awal? Tadika la.**

**PIB : Yang pendidikan awal *ni* [ini] okay. *Tak* [tidak] ada masa *tu* [itu] tadika *ni* [ini] *of course* [sudah tentu] *tak* [tidak] ada. Masa pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi. Saya masuk darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6]. Jadi situ, ialah daripada tahun '66 [1966] sampai kepada tahun '71 [1971]. Kemudian semasa peperiksaan masa *tu* [itu] kita panggil ujian penilaian tapi zaman *dulu* [dahulu], ujian penilaian ini diambil di darjah *lima* [5] bukan di darjah *empat* [4]. Masa *tu* [itu] saya mendapat keputusan yang agak baik jadi, maka saya di pilih untuk pergi kepada sekolah asrama, asrama penuh iaitu masa *tu of course* [sudah tentu] la di MCKK [Malay College of Kuala Kangsar] tetapi arwah bapa saya *ni* [ini] *tak* [tidak] setuju kerana masa *tu* [itu] kecil, jadi apa *ni* [ini] saya cuma diberi tawaran untuk mengikuti kelas khas sama ada di Kota Bharu iaitu di Maktab Sultan Ismail [kini dikenali dengan Sultan Ismail College] atau pun di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim [kini dikenali dengan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim Satu]. Jadi arwah bapa saya *ni* membuat keputusan bahawa saya di benarkan pergi ke Sekolah Menengah Sultan Ibrahim SIS di Pasir Mas. Kerana disitu, kerana beliau ada bapa saya *ni* adalah, arwah bapa saya *ni* berasal daripada Pasir Mas jadi ada *sedara mara* [saudara mara] yang boleh tengok, itu lah yang dia punya *ni* [ini]. So saya memulakan apa *ni* [ini] pelajaran menengah saya di sekolah SIS Sultan Ibrahim School di Pasir Mas daripada tahun '72 [1072], '73 [1973] sampai**

tahun '75 [1975]. Sampai tahun '75 [1975] saya mengambil LCE [Lower Certificate of Education], kemudian saya dapat kelulusan yang agak baik masa *tu* [itu] saya memohon untuk memasuki Sekolah Menengah Teknik. Jadi tingkatan *empat* [4] dengan tingkatan *lima* [5] saya di Sekolah Menengah Teknik Terengganu. Saya, kami pada masa *tu* tahun '76 [1976] merupakan *batch* [kumpulan] *pertama* [1]. Golongan yang *pertama* [1] cohort yang *pertama* [1] di Sekolah Menengah Teknik Terengganu. Semasa Sekolah Menengah Teknik Terengganu saya mengambil bidang *Building* [bangunan] dan tahun '77 [1977] ambil MCE [Malaysian Certificate of Education] di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, jadi Alhamdulillah sekali lagi saya mendapat keputusan yang agak baik, jadi saya menyambung pelajaran ke Universiti Teknologi Malaysia [UTM] dalam bidang jurusan Ukur Tanah, *land survey* [ukur tanah]. Jadi pada masa itu, saya cuma mengambil peringkat diploma daripada tahun '78 [1978] kepada tahun '81 [1981] dan saya lulus sebagai pelajar terbaik, *best student* [pelajar terbaik] dalam diploma pada masa itu dan saya di beri tawaran untuk mengikuti bukan untuk mengikuti tapi untuk berkhidmat dengan UTM [Universiti Teknologi Malaysia] sebagai dia panggil pensyarah muda, bukan pensyarah muda, dia panggil masa *tu* [itu] skim yang di beri adalah PPB penolong pensyarah B, yang *ni* [ini] untuk mereka-mereka yang lulus daripada diploma tapi masa *tu* [itu] saya di tawarkan menyambung pelajaran saya di England iaitu North East London Polytechnic masa *tu* [itu] sekarang *ni* [ini] universiti *dah* [sudah] bertukar nama University of East London. Dalam bidang yang sama iaitu --- Cuma bezanya sedikit itu *land*

*survey* [ukur tanah] tetapi di England *ni* [ini] kita ambik *Land survey science and mapping* [sains ukur tanah dan pemetaan], saya buat *digital mapping* [pemetaan digital]. Bermakna disitu dimasukkannya *element* [sifat-sifat] computer. Di situ saya mula berkenalan dengan komputer dan sebagainya. Saya balik berkhidmat setahun, selepas itu, saya pergi lagi untuk buat *Masters* [Ijazah Sarjana] masa tu saya buat di University of Dundee di Scotland saya buat bidang *digital Image Processing, Remote Sensing and Applications* [process imej digital, Remotes Sensing dan aplikasi] di komputer di Department Computer di Dundee. Saya menamatkan saya punya pengajian, di peringkat Sarjana dalam masa *sembilan* [9] bulan dan saya balik berkhidmat balik dengan UTM [Universiti Teknologi Malaysia] sampai setahun itu, kemudian saya pergi lagi sekali ke University of Dundee juga untuk membuat untuk belajar di peringkat Doktorer iaitu PhD. peringkat kedoktoran, membuat PhD. dalam bidang *Applied physic* [pengaplikasian fizik]. Dalam bidang *Applied physic* [pengaplikasian fizik] ni saya telah memilih kajian di buat adalah *Atmospheric Modelling* [model pengudaraan] khusus untuk membuat penderia ataupun *sensor development* [perkembangan deria] dalam untuk satelit. Satelit remote sensing. Jadi itu saya punya bidang kajian sahaja bukan bidang dalam PhD. Jadi saya menamatkan saya punya disitulah di dalam bidang Remote Sensing *Applied Physic* [pengaplikasian fizik] *tu* [itu] yang mana *Atmospheric Physics* [fizik pengudaraan] untuk *develop* [membangunkan] apa ni *sensor development* [pembangunan deria]. Selain daripada itu , saya juga mengikuti program-program Professional saya sebagai *land surveyor* [Juru Ukur Tanah]

*pastu* [selepas itu] ambik sebagai Professional dan sekarang ni saya *dah* [sudah], sampai hari ini saya *dah* [sudah] lulus semua peperiksaan dan sebagainya kecuali (ketawa) yang *last* [terakhir] saya tidak lagi menyediakan laporan untuk akhir untuk membolehkan saya *practice* [berlatih] sebagai *license surveyor* [juru ukur berlesen] jadi sebab saya rasa masa tu keperluan saya rasa *tak* [tidak] ada bukan tidak ada, memang saya ada cita-cita nak buat tapi ini adalah *satu* [1] benda yang agak rumit sebenarnya. Untuk Professional dengan belajar ni Professional sebenarnya lagi rumit kerana kita kena tetapkan dia punya apa *ni* [ini] *exam* [peperiksaan] kena buat *law* [undang-undang] dan sebagainya. Jadi itulah saya *dah* [sudah] lulus semua sekali cuma tinggal yang *report* [laporan] sahajalah. Jadi itu sahajalah latar belakang dari segi saya *ni* [ini]. Dan saya boleh katakanlah saya ada juga akademik dan saya ada juga Professional.

**NAS : Kiranya Prof. mendapat pendidikan daripada Universiti tempatan dan Luar Negara. Pada pendapat Prof. apa perbezaan antara universiti tempatan dan juga universiti luar negara dari segi disiplin, pembelajaran?**

PIB : Dia perbezaannya memang ketara, sebab di luar negara *ni* [ini], setiap pelajar *tu* [itu] dia kena berusaha sendiri *satu* [1]. Bermakna bila kita belajar pada *satu* [1] saat *satu* [1] ketika *tu* [itu] cuma saya bersendirian dalam *satu* [1] kelas *tu* [itu] saya yang *foreigner* [orang asing] cuma saya sahaja. Jadi saya terpaksa bertungkus lumus seorang diri dan sebagainya. Itu *satu* [1], yang ke *dua* [2], kaedah pembelajaran atau teknik pembelajaran di universiti berbeza kerana di universiti luar negara setiap pelajar itu, awal-awal *dah* [sudah] di beri topik, diberi tajuk apa yang akan di *lecture* [kuliah] yang akan datang. Dan biasanya bila di beri ini, pelajar-pelajar yang diluar negara ini, di *practice* [latih] di luar negara adalah diorang akan pergi ke *library* [perpustakaan] untuk membaca apakah topik-topik untuk membuat ulang kaji bukan ulang kaji tetapi mendapatkan maklumat awal, pada tajuk-tajuk yang akan di bincangkan di dalam *lecture room* [bilik kuliah] nanti. Jadi masa perbincangan dengan pensyarah *lecturer* [pensyarah] itu bukan dengan seperti yang kita mengajar di Malaysia. Di Malaysia, terbalik. Sebab apa saya kata terbalik, kerana Malaysia, *student* [pelajar] masuk ke kelas masuk kepada bilik kuliah itu bersama pensyarah dia punya idea mengenai *topic* [tajuk] yang akan dibincangkan itu, *tak* [tidak] ada *kosong* [0]. *Tak* [tidak] ada apa-apa *ni* [ini], lepas itu baru keluar pergi ke *library* [perpustakann] untuk menambahkan ulangkaji itu kita kata, tapi di sana di luar negara *ni* [ini] saya dapati semua *student* [pelajar] tu dia *dah* [sudah] ada apa yang sedikit sebanyak dalam kepala. Bila perbincangan itu, banyakkannya dia tidak mengajar, dia banyak kepada *discussion* [perbincangan] saya rasa itu lagi lebih *effective* [berkesan] kerana

selepas diorang pergi merujuk kepada *library* [perpustakaan] selepas itu adalah untuk menambahkan lagi kekuatan, apa kekukuhan ilmu dalam apa yang dia terima dari pensyarah tadi, sebab kalau dalam masa *satu* [1] jam atau pun *dua* [2] jam, *tak* [tidak] banyak yang kita boleh bincang pasal sesuatu *topic* [tajuk]. Kalau kita nak ajar daripada A sampai Z tetapi kalau pelajar tu *dah* [sudah] ada sedikit maklumat awal dia akan boleh bertanya apa yang dia *tak* [tidak] faham. Itulah perbezaan yang saya rasa sangat-sangat ketara diantara kaedah pembelajaran di sini dan kaedah pembelajaran di oversea [luar negara].

**NAS : Dari penceritaan Prof. menunjukkan Prof. seorang yang pelajar yang aktif, boleh Prof. ceritakan apakah jawatan yang pernah disandang sewaktu sebagai pelajar? [bunyi loceng].**

**PIB : Sebagai pelajar, di sekolah memang saya *tak* [tidak] pernah dilantik sebagai *prefect* [pengawas] pun yang paling tinggi cuma pengawas perpustakaan di sekolah itu sahaja.**

**NAS : Bagaimana boleh terlantiknya sebagai seorang pengawas perpustakaan?**

**PIB : Sebab saya suka membaca jadi itu saya rasa *keypoint* [kunci utama] nya saya suka membaca jadi cikgu tengok dia lantik, tidak jadi ketua pustaka pun, jadi perpustakaan biasa *je* [sahaja] sekejap semasa tingkatan *empat* [4] *lima* [5] di**

Sekolah Menengah Teknik. *Lepas tu* [selepas itu] selain daripada *tu* [itu] *tak* [tidak] pernah. Di universiti adalah beberapa persatuan, jadi setakat menjadi ahli jawatan kuasa sahaja, tetapi saya di Universiti di *overseas* [luar negara] yang itu saya aktif, saya semasa di *undergraduate* [Sarjana muda] dalam persatuan di universiti dan menjawat jawatan sebagai apa *ni* [ini] *secretary* [setiausaha] persatuan tersebut, di University of East London *tu* [itu]. Yang ke *dua* [2] masa saya di Dundee di Dundee *tu* [itu] saya *dah* [sudah] dewasa masa *tu* [itu] *dah* [sudah] masuk alam dewasa jadi saya memang sangat-sangat aktif, dengan persatuan. Okay saya sebagai wakil kepada dia panggil *ethnic group* [kumpulan etnik] di Dundee *tu* [itu] untuk berbincang dengan *Dundee City Council* [Majlis Bandar Dundee]. Di situ kita lakukan aktiviti seperti mengadakan kelas fardu ain, mengadakan kelas apa *ni* [ini] bahasa Malaysia, dan sebagainya kepada anak-anak pelajar-pelajar di semasa *tu* dan juga pada suatu ketika *tu* [itu], kita pernah berbincang dengan tempat kolej yang anak saya belajar, iaitu Morgan Institute untuk menjadikan bahasa Malaysia *ni* [ini] sebagai bahasa pilihan di sekolah tersebut, tetapi malangnya saya duduk di sana sekejap *je* [sahaja], *tak* [tidak] lama jadi benda *tu* [itu] saya tinggalkan kepada *junior* [pelapis] kepada pelajar-pelajar selepas saya, nampak gayanya dia tidak menjadikan ini lah makna tidak membuahkan apa hasil setakat tinggal perbincangan sahaja. Saya juga wakil komuniti di Dundee *muslim community* [komuniti islam] iaitu kita bercampur, kita ada meeting sekali dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain seperti, *Chinese people* [orang Cina] orang daripada Bangladesh, orang daripada Pakistan, orang daripada

India, daripada Carribean dan sebagainya, dan saya salah seorang daripada ahli-ahli jawatankuasa untuk komuniti. Itu semasa saya *dah* [sudah] pergi untuk PhD. Cuma masa saya buat PhD. itu lah di Dundee University

**NAS : Pastu [selepas itu], Prof. aktif dalam bidang akademik ataupun kokurikulum?**

**PIB :** Kokurikulumnya memang aktif, saya *dulu* [dahulu] saya main hoki. Main hoki sampai daerah, selepas itu main rugby, wakil sekolah setakat wakil sekolah selepas *tu* [itu] sukan lah dalam sukan. Saya jaduwin thrower dan juga ada *ni* [ini] itu *jelah* [sahajalah]. Jadi saya rasa benda *ni* [ini] terbawa-bawa sampai ke Universiti lah. Masa di universiti pun saya masih aktif dengan hoki. Masa di UK [United Kingdom] pun North East London Poly *tu* [itu] masa *tu* [itu] saya mewakili North East London Poly *tu* [itu] saya rasa saya dalam *dua* [2] atau *tiga* [3] orang sahaja yang daripada Malaysia yang *tu* [itu] mewakili pasukan polytechnic untuk berlawan masa *tu* [itu] di UK [United Kingdom] la.

**NAS : Dari penceritaan Prof. menunjukkan Prof. seorang pelajar yang aktif juga dalam bidang kokurikulum. Bagaimana Prof. membahagikan masa Prof. dengan aktiviti pembelajaran dengan kehidupan sosial Prof.?**

**PIB :** (ketawa) Ya betul. Kalau nak jadi seorang pelajar, cara yang paling bagusnya



*satu* [1] kita mesti tanamkan kita punya minat azam. Yang ke *dua* [2] kita mesti tahu menguruskan masa, kita tahu apa yang perlu kita buat, pada masa ini apa dan sebagai sebagainya. Dalam menguruskan masa ni *especially* [terutama sekali] bila *exam* [peperiksaan] bagi saya, *satu* [1] sahaja yang saya urus masa saya betul-betul. Bermakna saya buat persediaan apa-apa persediaan akademik ni awal. Saya *tak* [tidak] tunggu *last minute* [saat-saat akhir]. Itu saya nampak kepincangan dari segi pelajar-pelajarlah biasanya malam *tu* [itu] *study* [belajar], esok nak *exam* [peperiksaan] malam *ni* [ini] baru *study* [belajar] dan sebagainya *which is wrong* [yang mana salah] sebab kita, saya punya daripada *dulu* [dahulu] lagi saya tanamkan bahawa kita belajar bukan untuk *exam* [peperiksaan] belajar bukan untuk ilmu. Bukan dalam pelajaran saya *tak* [tidak] pernah *fail* [gagal]. Saya cakap terus terang saya pernah *fail paper* [gagal kertas] saya kena *blackout* [senarai hitam] masa *exam* [peperiksaan] dan sebagainya tetapi kita *recover* [baik pulih] balik. Boleh *recover* [baik pulih] balik sebab kita *manage time* [urus masa]. Kita boleh *manage time* [urus masa]. Sebab itu, kalau dalam menjadi seorang pelajar, yang penting *ni* [ini] *dua* [2] benda *satu* [1] minat membaca. Yang ke *dua* [2] masa. Kita tahu bila kita sepatut belajar bila kita patut main dan sebagainya. Sebab saya selepas daripada *standard six* [darjah enam] saya *start* [bermula] daripada sekolah menengah saya duduk di asrama. *Of course* [sudah tentu] di asrama *ni* [ini] dia ada masa lah dan di tentukan bila masa untuk buat *preparation* [persediaan] *for study* [untuk belajar], bila masa untuk kita makan masa untuk tidur dan sebagainya. Jadi saya rasa saya di didik *tu* [itu], tambah

lagi saya punya disiplin sendiri la. Itu sahajalah.

**NAS : Apakah yang mendisiplinkan Prof.?**

**PIB :** Yang disiplinkan saya ni sebenarnya *tak* [tidak] tahulah mungkin, saya *duk* [duduk] *pikir* [berfikir] sebab kita daripada kampung latar belakang kita kampung, jadi kita tengok kita *dah* [sudah] tahu dah, memang kita susah dan sebagainya. [bunyi loceng] jadi itu menyebabkan saya sangat-sangat disiplin dan saya percaya masa kecil *dulu* [dahulu] kita selalu dengar di masjid, orang membaca kitab, memberi pengajaran dan sebagainya. Saya selalu ikut, apa *ni* [ini] arwah emak dan ayah saya pergi ke masjid, saya dengar ini bermakna penekanan orang itu terhadap ilmu, bermakna *tak* [tidak] kira la ilmu *ni* [ini], bermakna ilmu *ni* [ini] luaskan, ada ilmu *ugama* [Agama], ilmu sains, ilmu dunia dan sebagainya. Tetapi kesemua ilmu-ilmu, siapa yang berilmu *tu* [itu] adalah dia akan mengangkat darjat itu sendiri, bermakna dia akan mengubah nasib orang itu dan sebagainya. Jadi saya rasa daripada situ saya masih sampai sekarang ni pun saya kalau ada peluang lah tidak *sebok* [sibuk] sebab itu *dulu* [dahulu] di rumah di Johor, saya masih ada buku beratus-ratus buku sekarang *ni* [ini] saya *dah* [sudah] *tak* [tidak] beli buku banyak lagi yang buku hard cover saya beli cuma penting sekarang *ni* [ini] saya ada beribu buku dalam *e-book* [buku elektronik]. Bermakna ribu tu makna banyak la. Bermakna saya akan baca apa sahaja yang saya terlintas nak baca hal *ugama* [Agama] nak baca *ni* [ini], *so everynight* [setiap malam] sebelum saya tido saya akan pegang

Ipad dan saya masukkan buku dalam Ipad untuk saya baca. Sebab tu, minat membaca dan menguruskan masa adalah penting untuk *you* [awak] cemerlang dalam akademik lah.

**NAS : Prof. ceritakan tadi Prof. berminat mengumpul buku. Dimanakah Prof. menyimpan koleksi-koleksi?**

**PIB :** Koleksi *tak* [tidak] ada, tetapi koleksi saya tiada koleksi, *dulu* [dahulu] adalah macam *ugama* [Agama] buku-buku *ugama* [Agama] *tu* [itu] adalah koleksi-koleksi tetapi tinggal di Johor. Sekarang *ni* [ini] saya ada *shelf* [rak] sendiri. Anak saya duduk di rumah tu dan dia *dah* [sudah] masuk dalam kotak. *Tak* [tidak] apalah sebab itu dia pun *tak* [tidak] baca. Cuma sekarang ni saya suka kepada teknologi-teknologi baru. Saya juga adalah merupakan penasihat kepada kerajaan dalam pembinaan satelit di Malaysia. Saya masuk dalam *value management* [nilai pengurusan] dia panggil dalam *tu* [itu] jadi sebab *tu* [itu] saya kena \_\_\_. Saya nak mengajar di --- Saya Professor di universiti, jadi saya nak mengajar *tak* [tidak] kan saya nak mengajar ilmu yang saya belajar berpuluh tahun lepas. Itu *dah* [sudah] *obsolete* [sudah usang] saya kena \_\_ \_ dengan ilmu-ilmu yang baru jadi saya rasa itu yang menyebabkan saya minat membaca tadi seiring lah dengan cita-cita saya.

**NAS : Soalan seterusnya. Apakah sumbangan terbesar Prof. sewaktu belajar?**

PIB : Sewaktu belajar dari segi akademik saya rasa *tak* [tidak] ada la. Saya *tak* [tidak] ada sumbangan apa-apa masa saya belajar, cuma saya *best student all the way* [pelajar terbaik setiap masa]. *Best student* [pelajar terbaik] daripada sekolah rendah, *best student* [pelajar terbaik] masa saya sekolah menengah saya *best student* [pelajar terbaik] masa saya *degree* [ijazah] di universiti saya pun terima *gold medal* [pingat emas]. Jadi itu sumbangan untuk diri saya. Jadi kalau untuk *institution* [institusi] ke apa saya rasa *tak* [tidak] ada lah.

NAS : **Bila Prof. mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, apakah perasaan Prof.?**

